

16/12/2000

DPMM tentang tuntutan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) meminta masyarakat Cina menolak Jawatankuasa Rayuan Pilihanraya Persatuan-Persatuan Cina (Suqiu) dan kumpulan yang mendalangi tuntutan jawatankuasa itu.

Timbalan Presiden DPMM, Datuk Seri Abdul Rahman Maidin berkata, Suqiu bukan memperjuangkan bagi kepentingan rakyat dan negara, tetapi hanya untuk kepentingan fahaman politik perkauman sempit pihak tertentu.

"Suqiu juga diminta menghentikan dirinya dari diguna oleh pihak lain yang semata-mata mahu membawa keburukan kepada masyarakat Cina sendiri," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Abdul Rahman berkata, DPMM mengingatkan pihak terbabit supaya tidak menguji kesabaran orang Melayu dengan memaksa kerajaan menghapuskan hak ketuanan dan hak istimewa yang diwarisi mereka.

Beliau berkata, DPMM akan menentang mana-mana pihak yang cuba merobohkan kontrak sosial yang dicapai pemimpin negara terdahulu.

"Keamanan yang tercapai selama ini adalah kerana tiap-tiap kaum menghormati hak masing-masing yang sudah dipersetujui sejak negara mencapai kemerdekaan.

"DPMM juga menganggap tindakan berani Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bukanlah semata-mata untuk menjaga kepentingan dan masa depan Melayu sahaja, tetapi memastikan negara mencapai kestabilan dan kemajuan," katanya.

Katanya, DPMM berharap kerajaan dapat meningkatkan lagi program pembangunan serta mengadakan pelbagai kemudahan untuk membantu Melayu mencapai kejayaan seperti yang disaran dalam Dasar Ekonomi Negara (DEB).

(END)